



JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA  
CAWANGAN KEJURUTERAAN AWAM,  
STRUKTUR DAN JAMBATAN  
IBU PEJABAT JKR MALAYSIA  
TINGKAT 15, CENTRE POINT NORTH  
THE BOULEVARD, MID VALLEY CITY  
LINGKARAN SYED PUTRA  
59200 KUALA LUMPUR

Telefon :03-92354701  
Teleks :KRT MA 30415  
Kawat :MINWORKS, KUALA LUMPUR  
Faks :03-22873189  
Laman Web :<http://www.jkr.gov.my>



Ruj. Kami : (33) dlm.JKR.CKSGJ/02.500/030/LN/16 Jld 3  
Ruj. Tuan :  
Tarikh : 30 Oktober 2007

Semua Pengarah Cawangan Ibu Pejabat JKR  
Semua Pengarah Kerja Raya Negeri  
Semua Pengarah JKR Unit Khas  
Semua Pengarah JKR Pembangunan Persekutuan

Tuan,

**PERKARA : Penggunaan Sistem Kekuda Bumbung Keluli *Cold Formed* dan Kayu untuk Projek-projek JKR**

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sejak kebelakangan ini, adalah didapati bahawa terdapatnya kecenderungan pejabat-pejabat JKR untuk menggunakan sistem kekuda keluli *cold formed* secara mutlak di dalam projek-projek JKR. Keadaan ini seolah-olahnya menggambarkan bahawa penggunaan sistem kekuda kayu tidak dibenarkan lagi digunakan.

3. Untuk makluman tuan, penggantungan penggunaan kekuda kayu pasang siap telah ditarik balik melalui surat daripada Pengarah, Cawangan Struktur dan Kejuruteraan Pakar ketika itu melalui surat bil. (5) dlm.PKR.RPB/00/3.2/02 Jld 2 bertarikh 21 Jun 2002.

4. Justeru itu, pejabat ini menyarankan agar pihak tuan dapat memastikan penggunaan kedua-dua jenis sistem kekuda keluli *cold formed* dan kayu diberikan keutamaan yang sama bergantung kepada keperluan teknikal sistem-sistem kekuda tersebut.

5. Syarat-syarat penggunaan sistem kekuda keluli *cold formed* dan kayu adalah sama sebagaimana yang telah dimajukan kepada pihak tuan sebelum ini.

6. Bersama-sama ini disertakan salinan senarai pembekal sistem kekuda keluli *cold formed* dan kayu yang terkini untuk makluman dan tindakan tuan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya Yang Menurut Perintah,

(IR. P.N. SELVANAYAGAM)  
Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya III  
Ibu Pejabat JKR Malaysia  
Kuala Lumpur.

Ruj. Kami : (33) dlm.JKR.CKSGJ/02.500/030/LN/16 Jld 3  
Tarikh : 30 Oktober 2007

s.k :

1. Ketua Pengarah Kerja Raya
2. Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya I
3. Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya II